

'Tiada pilihan' MCA, Gerakan kerjasama hadapi pilihanraya...

KUALA LUMPUR, Ahad — MCA dan Gerakan akan tetap bekerjasama dalam pilihanraya umum akan datang sekalipun terdapat anggapan umum pertelingkahan antara kedua parti berkenaan tidak mungkin dapat diselesaikan.

Seorang pemimpin MCA hari ini, berkata kedua parti tersebut "tidak mempunyai pilihan lain" melainkan bekerjasama dalam pilihanraya umum akan datang.

Beliau menambah kedua parti itu "telah belajar dari kesilapan" bila persaingan hebat antara mereka mengakibatkan 'kehilangan' empat kerusi Parlimen kepada DAP di Pulau Pinang dalam pilihanraya umum tahun 1978.

Perkara jelas ialah sekiranya kedua parti berkenaan enggan bekerjasama, ini semata-mata

akan menguntungkan DAP.

Parti Gerakan telah menegaskan bahawa bila membincangkan soal kerjasama "bola berada di kaki MCA" untuk membuktikan keikhlasannya.

Gerakan masih 'marah-marah' kerana MCA mengemukakan secara terbuka calonnya sebagai 'pejuang barisan hadapan' menentang Gerakan dalam pilihanraya tahun 1978 di Pulau Pinang.

Bagaimanapun, pemimpin MCA mendakwa ahli-ahli Gerakan melakukan 'sabotaj lemah lembut' dengan menjalankan kegiatan bertentangan dengan kepentingan MCA.

Pemimpin MCA itu selanjutnya, berkata Naib Presiden parti itu, Datuk Dr. Neo Yee Pan 'telah menyemaikan benih' kerjasama di Pulau Pinang dengan menandatangani pakatan kerjasama dengan Setiausaha Agung Gerakan, Datuk Teh Ewe Lim kira-kira dua bulan lalu.

Pemimpin tertinggi BN pula memandang serius persaingan antara kedua parti dan Datuk Musa Hitam difahamkan mula berbincang dengan pemimpin Gerakan dan MCA.

Beliau dilaporkan mengadakan perbincangan dengan Ketua Menteri Pulau Pinang merangkap penasihat Gerakan, Dr. Lim Chong Eu.